

PERUTUSAN PENGERUSI



Rozaini Mohd Sani
Pengerusi, Yayasan JCorp



Imbas untuk
menonton video
Pengerusi

ooo

**DI SEBALIK SETIAP
USAHA YANG KAMI
LAKSANAKAN,
KAMI PERCAYA
BAHAWA KEMAJUAN
YANG SEBENAR
IALAH PERUBAHAN
YANG MEMBERI
MANFAAT KEPADA
KEHIDUPAN HARI
INI, SEKALI GUS
MEMBINA MASA
DEPAN YANG
LEBIH BAIK UNTUK
GENERASI AKAN
DATANG.**

Tema laporan tahun ini, “Membentuk Masa Hadapan yang Berdaya Tahan”, mencerminkan bahawa kesejahteraan sebenar bukan diukur menerusi pertumbuhan industri semata-mata, malah turut dipengaruhi oleh daya tahan dan kualiti kehidupan setiap individu dalam komuniti kita. Kemajuan yang sebenar dizahirkan menerusi kekuatan masyarakat, kelestarian alam sekitar, serta peluang yang diwujudkan untuk generasi akan datang.

Sebagai pemacu impak sosial Johor Corporation, Yayasan JCorp memastikan pembangunan ekonomi berjalan seiring dengan kemajuan sosial yang inklusif. Usaha kami mencerminkan objektif berterusan Kumpulan untuk **Membina dan Membela**, termasuk mencipta nilai dan memperkasa komuniti. Sebagai pemangkin visi Maju Johor 2030, kami komited untuk membina sebuah masyarakat yang bukan sahaja maju dari segi ekonomi, malah kaya dengan nilai sosial.

Di sebalik setiap usaha yang kami laksanakan, kami percaya bahawa kemajuan yang sebenar ialah perubahan yang memberi manfaat kepada kehidupan hari ini, sekali gus membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.



ASAS 3E

Keyakinan ini diterjemahkan menerusi prinsip **3E** yang menjadi panduan dalam pelaksanaan setiap program kami: **Meningkatkan Taraf Kehidupan (Elevating Livelihoods)**; **Memperkasa Nilai Kehidupan (Empowering Living Years)**; dan **Mencipta Legasi Untuk Generasi Akan Datang (Enduring Life for the Next Generation)**.

Menerusi empat bidang fokus kami iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar; serta Kesejahteraan Komuniti, kami menterjemahkan visi ini kepada tindakan.



PENDIDIKAN

Menerusi Program Literasi Digital, kami mempersiapkan golongan belia dengan pelbagai kemahiran termasuk literasi digital di sekolah luar bandar serta inovasi agri-teknologi melalui Rumah Hijau Pertanian Pintar, sekali gus membuka lebih banyak peluang untuk generasi akan datang.



ALAM SEKITAR

Inisiatif seperti **The Future Powered Project** yang membekalkan tenaga solar bersih 100% kepada sekolah luar grid merupakan sebahagian daripada komitmen alam sekitar yang lebih meluas. Kami juga membantu memulihara ekosistem marin menerusi program pemulihan terumbu karang selain menambahkan usaha pengurusan sisa secara kitar semula serta inisiatif penghijauan dan penanaman semula. Menerusi inisiatif-inisiatif ini, kami membuktikan bahawa usaha pemuliharaan alam sekitar secara langsung memperkasa komuniti dan membina daya tahan sosial.



SENI, BUDAYA & WARISAN

Menerusi Projek Legasi Johor serta program seperti Kursus Intensif Asas Tenunan Kain Benang Johor, kami memelihara identiti budaya Johor dan memartabatkan seni kraf tempatan selain meningkatkan sumber pendapatan golongan artisan.



KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Kami merapatkan jurang kesihatan dengan menyediakan saringan pengesanan awal serta perkhidmatan sokongan pemulihan kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Kami juga komited terhadap penjagaan kesihatan mental khususnya menerusi Program Kesedaran Kesihatan Mental & Berkeperluan Khas di mana saringan intervensi awal neuro-perkembangan dan kesihatan mental telah dijalankan pada tahun 2025 melibatkan 203 kanak-kanak. Kami juga mewujudkan peluang kerjaya untuk golongan kelainan upaya bagi membina masyarakat inklusif yang benar-benar berdaya tahan.

Menerusi usaha-usaha ini, kerancangan ekonomi Johor akan bergerak seiring dengan kemajuan sosial.

STANDARD YANG PERLU DIPERTAHANKAN

Pada tahun 2025, Yayasan JCorp diiktiraf sebagai **Foundation of The Year**, sekali gus mencerminkan komitmen kami dalam mencipta impak yang bermakna dan berkekalan. Pengiktirafan ini bukanlah kemuncak segalanya, sebaliknya menjadi pemangkin kepada kami untuk terus mengekalkan standard kami dari segi matlamat, disiplin, dan impak.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan kongsi, penyumbang, anggota masyarakat, agensi negeri, serta seluruh anggota pekerja Yayasan Johor Corporation.

Apa yang kami usahakan pada hari ini adalah demi memastikan kemakmuran masyarakat pada hari esok, di mana jurang digital dan perubahan persekitaran tidak lagi menjadi asbab keciciran mana-mana individu. Mari kita terus berganding bahu dalam membina Johor yang lebih kukuh dan berdaya tahan, di mana kemajuan tidak diukur berasaskan pertumbuhan semata-mata, tetapi juga menerusi kehidupan dan masa hadapan yang mampan.

Rozaini Mohd Sani
Pengerusi, Yayasan JCorp